

14 FEB 2004

NOR-JENAKA

NOR MOHAMED YAKCOP BERCAKAP TENTANG PERKAHWINAN DAN PENYENARAIAAN  
YANG  
BERJAYA

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor

Mohamed Yakcop, terkenal di kalangan masyarakat korporat Malaysia sebagai

pakar di sebalik kejayaan penyusunan semula syarikat-syarikat strategik dan

yang berkaitan dengan kerajaan.

Syarikat-syarikat itu termasuklah UEM-Renong, Malaysia Airlines, Tabung

Haji, Malaysian Resources Corporation Bhd, Perbadanan Negeri Johor (JCorp)

dan sistem transit aliran ringan Putra dan Star.

Beliaulah orang yang ditemui oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir

Mohamad untuk mendapatkan buah fikiran bagi menangani krisis kewangan Asia

pada 1997. Ekoran itu terhasillah kawalan pertukaran berpilih yang membantu

memulihkan ekonomi Malaysia.

Nor Mohamed, yang dilantik menganggotai Kabinet pada 7 Januari selepas

memegang jawatan Penasihat Ekonomi kepada Dr Mahathir dan penggantinya,

Datuk Seri Abdulllah Ahmad Badawi, selama kira-kira empat tahun, lebih

dikenali dengan sikapnya yang tegas dalam memberikan fakta sebenar tentang

ekonomi kepada pihak media dan memberi taklimat kepada mereka tentang

cara-cara beliau mengatasi masalah syarikat-syarikat yang dianggap strategik atau mempunyai kepentingan negara.

Tetapi, beliau kelihatan bersahaja dan bersikap tidak formal pada

majlis perkahwinan anak lelaki sulungnya, Mohamed Nazir yang berlangsung

Rabu lalu di Dewan Perdana Felda di sini, dengan dihadiri oleh lebih 1,000

tetamu.

Tanpa disangka, beliau membuat semua yang hadir tidak kering gusi

dengan jenaka-jenaknya, khususnya apabila beliau memberikan panduan bagi

mencapai perkahwinan yang berjaya, dengan berkata ia seharusnya mengikut

peraturan penyenaiaan syarikat di bursa saham.

"Ada banyak persamaan antara perkahwinan yang bahagia dan pelaksanaan penyenaiaan yang berjaya. Bagi kedua-duanya, rekod pencapaian yang baik adalah penting, dan kedua-duanya memerlukan kelulusan daripada pihak berkuasa, dalam perkahwinan ia memerlukan persetujuan ibu bapa manakala bagi penyenaiaan ia memerlukan persetujuan Suruhanjaya Sekuriti," katanya kepada hadirin yang terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Kedua-duanya perlu mengelak percanggahan kepentingan. Dan dalam kedua-dua kes, kita perlu memelihara kepentingan pihak minoriti (dalam kes perkahwinan ini khususnya bererti ibu mertua)."

Nor Mohamed berkata sebuah perkahwinan dan sebuah syarikat senaraian mestilah mengelak daripada membuat pelaburan spekulatif, dan dalam kes perkahwinan "kita sama-sama maklum."

"Walaupun penyenaiaan berkembar boleh dilaksanakan dan ada kalanya sah, perkara yang biasa dan selamat dilakukan ialah mendapatkan satu penyenaiaan sahaja."

"Kita mesti elakkan diri daripada melaksanakan nyahsenarai, melainkan jika kita memenuhi syarat-syarat Suruhanjaya Sekuriti, iaitu jika kita syarikat PN4 (merujuk kepada syarikat yang menghadapi masalah kewangan) atau syarikat PN10 (syarikat yang tidak lagi beroperasi), katanya kepada anaknya, Nazir, seorang pegawai Bumiputera-Commerce Bank, yang berkahwin dengan pegawai AmBank, Raja Nazilawati Raja Zainal.

Dan menteri yang baru dilantik itu sekali lagi memperlihatkan sikapnya yang suka berjenaka dengan satu lagi nasihat kepada anaknya: "Nasihat kedua kepada Nazir ialah walaupun kamu berkahwin dalam tahun monyet, ia tidak memberi kamu hak untuk berlagak nakal (seperti monyet) di luar rumah selepas berkahwin".

-- BERNAMA

AU AU MKO KY ZK